

Ekonomi & Kerja Premium

Kini sistem kerja lebih teratur, dapat jimat dan kurangkan bazir

Seramai 36 individu termasuk bekas pesalah dan remaja berisiko mengambil bahagian dalam program Siri Keusahawanan Step Up anjuran syarikat Procter & Gamble (P&G) dan pertubuhan amal, HCSA Community Services, baru-baru ini. Dalam program dua hari itu, peserta belajar tentang topik seperti penjenamaan dan komunikasi, pemilikan perniagaan dan kemahiran kepimpinan daripada penceramah undangan, mantan cef dan bekas pengasas bersama Eighteen Chefs, Encik Benny Teo, dan wakil P&G. BERITA HARIAN paparkan dua peserta Melayu yang berkongsi pengalaman mereka.

Program bantu peniaga dari rumah laksana sistem catatan dan rekod perbelanjaan dengan lebih tersusun

[ekonomi](#) [peniaga dari rumah](#)



[ATIYYAH MOHD SAID](#)

Apr 25, 2023 | 05:30 AM




Dapatkan artikel ini untuk diterbitkan semula



 **TUGAS LEBIH LANCAR:** Cik Sulastri Sajale, yang membantu mengendalikan perniagaan keluarganya dari rumah, berkata beliau kini dapat menjejaki aliran perbelanjaan dan bahan yang ada, lantas membantu tugas dan operasi pengeluaran dengan lebih lancar. - Foto-Foto BH oleh KHALID BABA

SEJAK membantu mengendalikan perniagaan keluarganya dari rumah, Cik Sulastri Sajale tidak pernah mempunyai sistem kerja yang teratur dan melakukan urusan niaga secara manual.

Cara berniaga seperti ini seringkali menyebabkan pembaziran mahupun mendorong kos perniagaan yang tinggi.



SINGAPURA
BeritaHarian



namun, masalah ini berkurangan apabila Cik Sulastri, 27 tahun, mula melaksanakan sistem catatan dan rekod perbelanjaan yang tersusun sejak sebulan lalu.

Ini adalah hasil pengajaran dan ilmu perniagaan asas yang ditimba beliau apabila mengikuti program keusahawanan yang dianjurkan syarikat Procter & Gamble (P&G) dan pertubuhan amal, HCSA Community Services, pada Mac 2023.

Menurut ibu tunggal dua anak itu, walaupun program itu singkat, ia tetap memberi banyak pengetahuan baru yang tidak pernah disedarinya dahulu.

Cik Sulastri, yang bertugas sepenuh masa sebagai pembuat roti, mengendalikan perniagaan dari rumah yang menjual kuih Melayu dan pastri, Mama's Delights, yang dimulakan oleh ibunya.

Beliau juga merupakan lulusan Pusat Latihan Kulineri Akademi HSCA - akademi yang melengkap individu lemah dengan kemahiran profesional menjamin pekerjaan dalam industri makanan dan minuman (F&B).

Menceritakan pengalaman melaksanakan perubahan dalam perniagaan dari rumah itu, Cik Sulastri berkata banyak kesan positif sudah dilihatnya.

"Satu perkara paling ketara ialah kini kami mempunyai buku dan rekod yang merakam bajet dan perbelanjaan keseluruhan kami.

"Kami mengamalkan untuk mencatatkan keuntungan kami selepas jualan dan membuat rancangan rapi sebelum berbelanja bahan dan sebagainya.

"Kini, saya boleh menjejaki aliran perbelanjaan dan bahan yang ada, lantas membantu tugas dan operasi pengeluaran lebih lancar," ujarnya yang sudah membantu ibunya berniaga sejak muda lagi.

"Dulu, boleh dianggap operasi kami huru-hara. Kami tidak tempah bahan dan barangan yang diperlukan satu kali tetapi sikit-sikit, bila sudah habis baru beli lagi.

"Bila kami ubah cara ini, banyak penjimatan dan kurang pembaziran juga kerana sudah merancang dengan teliti," jelas Cik Sulastri.

Satu lagi perubahan dibuat ialah mencetak label jenama produk - satu usaha pemasaran yang tidak difikirsebelum ini.

Hasil perubahan dilakukan itu, kini beliau dapat menjual 3,000 botol sebulan berbanding 1,000 botol.

Selain itu Cik Sulastri dapat menjimatkan kos bahan sekitar 7 hingga 10 peratus.

Kata Cik Sulastri, selain daripada wawasannya untuk membuka kedai sendiri satu hari nanti, matlamat yang mendorong beliau mengikuti program itu ialah kerana ingin menggunakan perniagaannya sebagai wadah menyumbang kepada masyarakat.

"Saya berharap dapat mengendalikan kelas untuk ibu-ibu tunggal yang mahu belajar membuat roti dan kek, dan kemudian memulakan perniagaan sendiri untuk menyokong keluarga mereka.

"Sebagai ibu tunggal, saya amat memahami keadaan dan pergelutan mereka, jadi saya ingin membantu golongan seperti saya," luahnya.

Sementara itu, Pengarah Kerjasama dan Perhubungan Strategik HCSA Community Services, Encik Andrew Ong, berkata program Step Up adalah sebahagian daripada program mentor perintis untuk memudahkan mobiliti sosial bekas penghuni Rumah Peralihan HCSA Highpoint dan penghuni kaum Hawa di Pusat Rawatan Dayspring HCSA (DRTC) yang berdepan dengan berbagai trauma.

Menurut pengamatan pihaknya, ramai daripada mereka bergelut untuk pulang ke pangkuan masyarakat kerana kekurangan sokongan sosial yang tersusun dan dipercayai.

"Step Up telah direka dan diperkenalkan untuk menangani jurang ini, dan untuk mewujudkan ekosistem rakan kongsi yang mampan dalam komuniti untuk memberikan sokongan prososial dalam memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan... Matlamat utama kami ialah agar mereka bukan sahaja dapat pulang ke pangkuan masyarakat, tetapi akhirnya dapat menyumbang kembali kepada masyarakat kita."

Encik Clint Navales, Naib Presiden Komunikasi, Asia Pasifik, Timur Tengah dan Afrika (AMA), Procter & Gamble (P&G) pula berkata melalui program seperti ini, pihaknya berhasrat untuk membimbing, menyokong, dan mengintegrasikan semula bekas pesalah dan remaja berisiko kembali ke dalam masyarakat, meningkatkan mobiliti sosial mereka

"Kita tahu bahawa apabila kita melakukan ini, masyarakat lebih sihat, perniagaan berkembang maju, dan dunia adalah tempat yang lebih baik untuk didiami.

"Program sebegini membolehkan kami melaksanakan matlamat kami untuk menjadi pemangkin bagi kebaikan dan pertumbuhan dalam komuniti tempat kami beroperasi.

MATLAMAT PROGRAM STEP UP

"Step Up telah direka dan diperkenalkan untuk menangani jurang ini, dan untuk mewujudkan ekosistem rakan kongsi yang mampan dalam komuniti untuk memberikan sokongan prososial dalam memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan... Matlamat utama kami ialah agar mereka bukan sahaja dapat pulang ke pangkuan masyarakat, tetapi akhirnya dapat menyumbang kembali kepada masyarakat kita."

- Pengarah Kerjasama dan Perhubungan Strategik HCSA Community Services, Encik Andrew Ong.



Juga di Berita Harian



[Apr 21, 2023](#)



[Apr 19, 2023](#)



[Apr 26, 2023](#)



[Apr 22, 2023](#)

[Hilang dua kaki akibat kencing manis tak halang jual kuih Raya,...](#)


[Orang ramai di tempat awam digesa terus pakai pelitup, Berita](#)

[SMRT, ComfortDelGro saing kendali laluan metro Sweden, Berita](#)

[Bagi pasangan S'pura-Malaysia, kena balik Raya bergilir-gilir,...](#)


Video Baru

Recommended by



[+ Video lain](#)

Podcast Baru



[+ Podcast lain](#)



Hubungi Kami
Kenali Kami
Syarat dan Peraturan
Kenyataan Privasi
Dasar Perlindungan Data
Langgan

MCI(P)072/10/2022,MCI(P)073/10/2022SPHDigitalNewsCopyright©2023.SPHMediaLimited.Co.
Regn.No.202120748H

Berita Harian di Mudah Alih



Khidmat pelanggan

6388-3838

Meja Berita

Anda ada maklumat mengenai sesuatu berita menarik?

E-mel: bhnews@sph.com.sg